

623:

MAHATHIR-AKTA

1975

KUALA LUMPUR, 27 OGOS (BERNAMA)—MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI, AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI TIDAK MENGHALANG KEMAJUAN PARA PELAJAR UNTUK MENJADI PEMIMPIN MASA DEPAN.

BELIAU BERKATA, BEBERAPA SEKATAN YANG DIKENAKAN OLEH AKTA TERSEBUT KE ATAS PELAJAR ADALAH KECIL SAJA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN APA YANG PERNAH DIKENAKAN OLEH KERAJAAN PENJAJAH DIMANA SEMASA PEMERINTAHAN MERKA TERDAPAT RAMAI PELAJAR YANG MENJADI PEMIMPIN HARI INI.

BERCAKAP MENGENAI KESAN PINDAAN-PINDAAN KE ATAS AKTA ITU BARU-BARU INI DI SATU MAJLIS PERJUMPAAN DIADAKAN OLEH PERSATUAN SISWAZAH SELANGOR DI SINI BELIAU BERKATA, KERAJAAN SEDAR LANGKAH-

NYA MEBENTANGKAN PINDAAN TERSEBUT MEMANG KURANG MENDAPAT SAMBUTAN. "TETAPI KITA TERPAKSA BERTINDAK BAGI KEPENTINGAN NEGARA,"

TEGAS DR. MAHATHIR.

DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU BERTUJUAN KHUSUS UNTUK MENENTUKAN SUPAYA PARA PELAJAR MENGGUNAKAN SEPENUHNYA PELUANG UNTUK BELAJAR DI UNIVERSITI. — BERSAMBUNG HM 2100

105

624:

MAHATHIR-AKTA 2 KUALA LUMPUR

PERUNTUKAN YANG MEMBOLEHKAN PIHAK PERKUASA MENYINGKIRKAN PELAJAR YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN BERKENAAN MESTILAH DILIHAT DARI SEGI TUJUAN AKTA TERSEBUT.

+KITA MESTILAH MENGHORMATI UNDANG-UNDANG YANG MELINDUNGI KEPENTINGAN RAMAI DAN MERKA YANG MELANGGARNYA MESTI MENERIMA HUKUMAN.+ KATA BELIAU. —BERNAMA 2104/MD